

20/08/2003

Meterai perjanjian

FLARE Studios Sdn Bhd, syarikat bertaraf MSC dan sebuah syarikat Syria menandatangani perjanjian untuk memaju dan mengeluarkan karya kreatif serta bertukar-tukar kepakaran bagi industri kandungan kreatif kedua-dua negara.

Flare Studios dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam, menyebut perjanjian itu adalah susulan kepada lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke negara itu baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Flare Studios, Miza Mohamad, berkata kedua-dua pihak mencapai persetujuan melalui usaha dedikasi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) bagi mempertingkatkan hubungan dua hala, dan melalui keupayaan rangkaian Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) serta ketua pegawai eksekutifnya, Datuk Dr. Mohamed Arif Nun.